

19 JUNE 2000

Kelantan-Pusat

KERAJAAN PUSAT BIAYAI USAHA MAJUKAN TANAH PERTANIAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 19 Jun (Bernama) -- Kerajaan pusat melalui Kementerian Pertanian memperuntukkan sebanyak RM108 juta kepada Kelantan bagi membantu kerajaan negeri memajukan sektor pertanian.

Menteri berkenaan Datuk Mohd Effendi Norwawi berkata peruntukan besar itu bertujuan membantu kerajaan Kelantan mencapai hasrat menjadikan negeri itu "jelapang makanan" selain meningkatkan pertanian menjadi sektor utama negara.

"Kementerian Pertanian bersama-sama dengan 12 agensinya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan projek pertanian di Kelantan," katanya selepas menandatangani memorandam persefahaman (MoU) "Taman Kekal Pengeluaran Makanan" antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri hari ini.

Kerajaan negeri diwakili oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Effendi berkata sebanyak RM58 juta diperuntukkan bagi membangunkan kawasan tanah pertanian yang terbiar di beberapa lokasi dengan pelbagai tanaman komersil yang mampu meningkatkan pendapatan petani melalui penggunaan teknologi terkini.

Katanya sejumlah RM50 juta pula akan digunakan bagi membina sebuah pusat atau pasar borong yang akan menjadi pusat pengumpulan semua hasil pertanian negeri itu bagi melancarkan proses pemasaran.

Beliau berkata bagi membuktikan kerajaan pusat komited dengan proses pembangunan negara, kementeriannya juga baru-baru ini memohon sejumlah RM1 bilion daripada Kementerian Kewangan bagi membangunkan dan meningkatkan kemudahan infrastruktur pelabuhan perikanan Tok Bali di Pasir Puteh.

Ini bagi menjadinya kawasan pendaratan ikan yang terancang dan terbesar di Pantai Timur, katanya.

"Sekarang ini Tok Bali mengendalikan pendaratan sebanyak 50,000 tan ikan setahun dan kita berhasrat untuk meningkatkan jumlah itu kepada 100,000 tan setahun," katanya.

Berhubung dengan majlis MoU bagi membangunkan tanah terbiar itu, beliau berkata ia adalah kerjasama yang keempat antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Sebelum ini kerajaan pusat mengadakan MoU dengan Johor, Kedah dan Perlis yang juga bagi memajukan tanah terbiar dengan tanaman komersil.

Sementara itu, Nik Aziz mengucapkan terima kasih dan melahirkan penghargaan kepada kerajaan pusat kerana sanggup membantu kerajaan Kelantan pimpinan PAS membangunkan sektor pertanian di negeri ini.

"Saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak khususnya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mencetuskan idea untuk mengadakan penyelarasan antara kerajaan pusat, negeri dan swasta itu," katanya.

Menurutnya gabungan usaha daripada semua pihak itu diyakini dapat memberi manfaat yang besar bukan sahaja kepada petani dan pengusaha pertanian tetapi juga kepada kerajaan.

Beliau juga berharap golongan belia khususnya di Kelantan yang kini lebih suka bekerja di kilang-kilang supaya beralih mengusahakan pertanian.

Nik Aziz berkata melalui pendekatan moden termasuk penggunaan jentera dan benih yang baik, pertanian kini menjanjikan pendapatan yang lebih lumayan berbanding bekerja di kilang-kilang.

-- BERNAMA

RAR NMO